



KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN BERKAITAN CERUN KRITIKAL DI BAWAH PEMANTAUAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG) MALAYSIA

1. Merujuk kepada laporan berita yang disiarkan oleh Utusan Malaysia dan Malaysiakini pada 18 Disember 2022 telah melaporkan bahawa cerun di kawasan tragedi runtuh tanah di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Jalan Batang Kali-Genting Highlands, Hulu Selangor dekat sini kelmarin disenaraikan antara lokasi kritikal yang dikenal pasti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia.
2. Selain itu, merujuk kepada laporan berita oleh Berita Harian pada 21 Disember 2022 telah melaporkan untuk rekod, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) pada September lalu menyenaraikan kawasan tanah runtuh yang terjadi di Batang Kali sebagai lokasi kritikal. Bagaimanapun, jurucakap pengusaha Father's Organic Farm, Frankie Tan berkata, beliau tidak pernah menerima apa-apa surat atau sebarang maklumat mengenai senarai terbabit.
3. JMG ingin **menafikan** laporan berita tersebut dan **menegaskan** bahawa skop pemantauan cerun kritikal JMG tertumpu di kawasan penempatan dan cerun-cerun semulajadi yang tidak bertindih fungsi dengan pihak autoriti lain. Merujuk cerun di kawasan tragedi runtuh tanah di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Jalan Batang Kali-Genting Highlands, Hulu Selangor adalah **tidak tersenarai** dalam cerun-cerun kritikal di bawah pemantauan JMG.
4. Bagi penempatan ataupun sebarang cadangan pembangunan baru di lereng bukit atau berkedudukan berhampiran cerun merupakan sebahagian komponen dalam kebenaran merancang yang memerlukan penilaian risiko dibuat dan bagi risiko yang melibatkan bencana geologi tanah runtuh, pihak pemaju perlu melantik ahli geologi profesional yang berdaftar di bawah Lembaga Ahli Geologi Malaysia membuat penilaian.

**KETUA PENGARAH
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

25 DISEMBER 2022